KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

## AHAD, 17 DISEMBER 2023

## LAPORAN HARIAN

17/12/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 1 | **WORLD WAR CHILDREN CARE FOUNDATION (WCCF) LAUNCHED INTERNATIONAL HUMANITARIAN MISSION TO AID CHILDREN AFFECTED BY CONFLICT** | |
| | https://www.malaymail.com/news/money/mediaoutreach/2023/12/16/world-war-children-care-foundation-wccf-launched-international-humanitarian-mission-to-aid-children-affected-by-conflict/267766 | MALAYMAIL.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 2 | **OVER RM600 MLN ALLOCATION TO HELP RUBBER SMALLHOLDERS, ACCELERATE REPLANTING SCHEME** | |
| | https://www.nst.com.my/news/nation/2023/12/991185/over-rm600-mln-allocation-help-rubber-smallholders-accelerate-replanting | NST.COM.MY |
| | https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2023/12/16/rm600mil-provided-to-help-rubber-smallholders-this-year/ | FREEMALAYSIATODAY.COM |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/639968/berita/nasional/risda-sediakan-bantuan-usahawan-dan-agromakanan-galak-tanam-getah | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://selangorkini.my/2023/12/rm676-4-juta-untuk-pekebun-kecil-jaya-program-tanam-semula-getah/ | SELANGORKINI.MY |
| | https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=2254772 | BERNAMA.COM |
| | https://www.bernama.com/en/news.php?id=2254791 | BERNAMA.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 3 | **OKU BERDAFTAR BAWAH JKM DI KEDAH MENINGKAT TAHUN INI** | |
| | https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/oku-berdaftar-bawah-jkm-di-kedah-meningkat-tahun-ini | BERITA.RTM.GOV.MY |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/12/1041343/iltizam-menjaga-anak-anak-perlu-ditingkatkan-raja-puan-muda-kedah | HMETRO.COM.MY |
| | https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/kes-kanak-kanak-terlibat-jenayah-di-kedah-meningkat | BERITA.RTM.GOV.MY |

17/12/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 4 | **MANGSA BANJIR KELANTAN MENINGKAT MENDADAK, 2,854 ORANG DITEMPATKAN DI PPS** | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/12/1189823/mangsa-banjir-kelantan-meningkat-mendadak-2854-orang-ditempatkan-di | BHARIAN.COM.MY |
| | https://www.buletintv3.my/nasional/mangsa-banjir-kelantan-naik-mendadak-hampir-3000-orang-di-pps/ | BULETINTV3.MY |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/12/1041370/mangsa-banjir-kelantan-meningkat-mendadak-2854-orang-ditempatkan-di-pps | HMETRO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 5 | **SARAN MODUL PENGURUSAN KEWANGAN DALAM KURSUS PERKAHWINAN ELAK CERAI** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/639954/edisi/selangor-kl/saran-modul-pengurusan-kewangan-dalam-kursus-perkahwinan-elak-cerai | SINARHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 6 | **PROGRAM WANITA BANGKIT@KPWKM MYKASIHKAPITAL YKN - KUANTAN PAHANG** | |
| | https://www.youtube.com/watch?v=eSpmCgZpE-M | YOUTUBE |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 7 | **NEGERI MAJU 2030: JOHOR BELA KEBAJIKAN KANAK-KANAK YATIM, DIBUANG KELUARGA, OKU** | |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/12/johor-bela-kebajikan-kanak-kanak-yatim-dibuang-keluarga-oku/ | UTUSAN.COM.MY |

17/12/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 8 | **KERAJAAN MADANI AMAT GALAK PROGRAM UNTUK KANAK-KANAK** | |
| | https://www.utusanborneo.com.my/2023/12/16/kerajaan-madani-amat-galak-program-untuk-kanak-kanak | UTUSANBORNEO.COM.MY |

# World War Children Care Foundation (WCCF) Launched International Humanitarian Mission to Aid Children Affected by Conflict

**By World War Children Care Foundation**
*Saturday, 16 Dec 2023 1:55 PM MYT*

KUALA LUMPUR, MALAYSIA - Media OutReach Newswire - 15 December 2023 - The World War Children Care Foundation (WCCF) officially commenced its international humanitarian mission aimed at assisting children affected by war with a swearing-in ceremony of the foundation's committee today at Shang Ri La Hotel, Kuala Lumpur.



*WCCF chapter representative from each countries*

The foundation, which was a registered non-profit organization in Malaysia, stated that its primary objective is to rescue and rehabilitate children residing in modern conflict zones while offering the said children educational opportunities that can nurture their physical and mental well-being.




*Madam Linda Wong handling certificate of appointment to Dato Dr. Clement Tan*

In the near future, the foundation is currently planning to lead the "Dove Aid Operation" (DAO) program in 2004 with close collaboration with several international organizations. The program will adopt a secure and holistic approach to safely extract children from war zones and provide them refuge in secure shelters.

"Together, we will identify the most urgently required rescue areas, assemble teams comprising medical personnel, social workers, and dedicated volunteers, and distribute essential supplies such as food, medicine, and bedding," Linda Wong, WCCF President, emphasized during the launch of WCCF.

The foundation plans to establish International Humanitarian War Children Schools in Malaysia and China, welcoming children from diverse backgrounds, races, religions, and cultures. These schools will implement the Caring Education curriculum, guided by the Yi Hai Education Group, with the goal of helping children gradually overcome the psychological trauma they have experienced, fostering confidence, and reigniting optimism.

"We aim to showcase the incredible strength and courage of war children as they reintegrate into society, becoming compassionate individuals who contribute to rebuilding their homes and caring for others in need," Wong noted.

Currently, tens of thousands of children worldwide endure the hardships of war. These children require not only care, support, and love but also urgent action. Therefore, WCCF passionately appeals to compassionate business organizations and individuals to join hands in this noble cause.

In addition to its mission, the foundation unveiled a business charity campaign called "Healing the World Thru Business," with the first corporate donation initiated through Green Smart Planet Platform's continual business revenue, presented with a mock cheque for RM1,217,000.

During the event, the foundation further introduced "Saving War Children with Your Cup of Coffee," where attendees voluntarily participated by adopting cups of premium coffee from Clemént Coffee Boutique, with all business profits donated to the foundation.

Realizing the need of global support, during the launching ceremony, the foundation has also appointed representatives for various WCCF chapters in Malaysia, China, Serbia, Thailand, Singapore, Indonesia, the Philippines, Vietnam, Cambodia, Brunei, Laos, Myanmar, Hong Kong, and Taipei.

The launch was attended by Deputy Director-General of the Children's Division, Wan Noraidah Wan Mohd Zain, on behalf of Women, Family, and Community Development Minister Datuk Seri Nancy Shukri. WCCF can be reach at https://warchildrencare.org/

# RM600mil provided to help rubber smallholders this year

Half of the amount went to accelerate the replanting programme, says Risda chairman Noraini Ahmad.

Bernama - 16 Dec 2023, 6:41pm

51 Shares Share Tweet Share Email



*Risda chairman Noraini Ahmad said the rubber smallholders sector currently accounts for 84.2% of the country's natural rubber production. (Bernama pic)*

GERIK: The government has provided more than RM600 million for the development of rubber smallholders this year, with half of it allocated to accelerate the replanting programme as the commodity is typically susceptible to price fluctuations.

Rubber Industry Smallholders Development Authority (Risda) chairman Noraini Ahmad said the authority has always opened up space and opportunities for those keen on developing the rubber industry as well as being part of Risda's smallholders community.

*Stay up-to-date by following FMT's **Telegram** channel* FMT

"Through this campaign, interested parties will receive various assistance programmes that offer up to RM38,800," she said at the launch of the replanting campaign for Perak Risda and the opening of the Risda entrepreneurs carnival here today.

Noraini said the aid packages will help smallholders earn a targeted average income of RM4,500 a month a family by the end of 2025.

"The entrepreneurship programme has been designed specifically to help rubber smallholders increase their total household income, not only through plantation products, but also through other businesses and entrepreneurial activities," she said.

According to her, all smallholders are also eligible to receive entrepreneurship assistance of up to RM20,000 in the form of development materials under the Additional Economic Activities (AET) programme.

Noraini also said the rubber smallholders sector currently accounts for 84.2% of the country's natural rubber production.

However, she said, smallholders face various issues, including the instability of market prices, unpredictable weather, and tree disease attacks that have led to a decrease in rubber productivity.

She said these issues had caused the number of uncultivated rubber plantations to increase to 533,000ha last year compared to 409,000ha in the previous year.

"As a result, the country's natural rubber production dropped by 19.7% when only 377,000 metric tonnes were produced in 2022 compared with 469.7,000 metric tonnes in 2021," she said.

# OKU berdaftar bawah JKM di Kedah meningkat tahun ini

Kategori: Nasional - Kemas kini: 16 Disember 2023 02:06 PM - Jumlah kunjungan: 84



*Che Puan Muda Zaheeda Mohamad Ariff*

***ALOR SETAR, 16 Disember-*** Bilangan orang kurang upaya (OKU) yang berdaftar bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) di Kedah pada tahun ini menunjukkan peningkatan berbanding tahun lalu.

Seramai 58,646 OKU berdaftar di bawah tujuh kategori ketidakupayaan berdasarkan janaan Sistem Pengurusan Maklumat OKU (SMOKU) direkodkan sehingga Oktober tahun ini berbanding 52,699 OKU pada tahun lalu.

Raja Puan Muda Kedah, Che Puan Muda Zaheeda Mohamad Ariff bertitah, ia hasil pemerkasaan kempen pendaftaran OKU yang dilaksanakan oleh agensi terlibat.

"Kempen ini perlu diperkasakan lagi. Masih banyak yang harus dan sedang dikerjakan. Program-program yang dilaksanakan khas untuk mencari dan mencungkil bakat yang melimpah ruah dalam kalangan OKU negeri Kedah.

"(Antaranya) Karnival Sukan Inspire OKU Aktif yang dilancarkan pada Oktober 2022 bertujuan menghasilkan lebih ramai atlet paralimpik dari Kedah," titahnya pada Majlis Sambutan Hari Kanak-Kanak Sedunia, Hari Orang Kurang Upaya dan Hari Warga Emas Peringkat Negeri Kedah tahun 2023 di sini.

Turut berangkat, Raja Muda Kedah, Tengku Sarafudin Badlishah Ibni Al Aminul Karim Sultan Sallehuddin.

# Mangsa banjir Kelantan meningkat mendadak, 2,854 orang ditempatkan di PPS

Oleh Hidayatidayu Razali - Disember 16, 2023 @ 6:21pm
bhnews@bh.com.my




Sebahagian penduduk setempat meredah jalan raya yang digenangi air Sungai Golok yang melimpah menyebabkan beberapa kawasan dinaiki air di Jalan Sekolah Cina Pekan Rantau Panjang di sini, hari ini. - NSTP/Nik Abdullah Nik Omar

KOTA BHARU: Keadaan banjir di Kelantan semakin buruk apabila jumlah mangsa meningkat mendadak kepada 2,854 orang setakat 3 petang ini berbanding 1,366 orang pada sebelah pagi tadi.

Ini berikutan, lima lagi pusat pemindahan sementara (PPS) di jajahan Pasir Mas dibuka hari ini.

Kesemua mangsa banjir daripada 838 keluarga itu berlindung di 16 PPS di tiga daerah iaitu Pasir Mas, Tanah Merah dan Kuala Krai.

Menurut portal Info Bencana Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), jumlah mangsa banjir paling ramai adalah di Pasir Mas iaitu seramai 2,402 orang daripada 714 keluarga.

Mangsa banjir di Tanah Merah pula sejumlah 317 (90 keluarga) dan di Kuala Krai seramai 135 orang (34 keluarga).

Sementara itu, laman web publicinfobanjir.water.gov.my merekodkan, Sungai Semerak di Bachok melepasi paras amaran dengan bacaan 8.15 meter (m) berbanding paras normal 6m.

Pada masa yang sama, empat sungai pula melepasi paras waspada iaitu Sungai Kelantan di Kuala Krai (20.08m), Sungai Kelantan di Kusial, Tanah Merah (12.07m), Empangan Bukit Kwong (17.26m) dan Sungai Golok di Kuala Jambu, Tumpat (2.1m).

# Saran modul pengurusan kewangan dalam kursus perkahwinan elak cerai

oleh MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR Follow 16 Disember 2023 02:44pm Masa membaca: 1 minit



Mohd Najwan (dua dari kiri) menyiram pokok yang ditanam sebagai simbolik kepada Program Hari Kesukarelawan Belia Malaysia Peringkat Negeri Selangor di Puncak Alam Golf Driving Range pada Sabtu.

KUALA SELANGOR - Modul pengurusan kewangan disaran dimasukkan dalam kursus persediaan perkahwinan di Selangor bagi menangani kes penceraian terutama melibatkan pasangan muda.

Exco Belia, Sukan dan Keusahawanan negeri, Mohd Najwan Halimi berkata, perkara itu perlu dibincangkan bersama Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dua portfolio Exco Jawatankuasa Agama Islam dan Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Kebajikan Masyarakat

Menurutnya, perbincangan itu penting bagi menangani isu penceraian berikutan Selangor mencatatkan kes tertinggi di negeri ini.

**"Dalam konteks zaman sekarang ini, kita perlu mendedahkan pasangan yang ingin berkahwin tentang pengurusan ekonomi keluarga.**

"Mutakhir ini, pasangan muda mungkin isteri yang bekerja mempunyai pendapatan lebih tinggi daripada suami dan ini memberi kesan dalam rumah tangga," katanya ketika ditemui pada Program Hari Kesukarelawan Belia Malaysia Peringkat Negeri Selangor di Puncak Alam Golf Driving Range, di sini pada Sabtu.



Mohd Najwan (berdiri dua kiri) beramah mesra bersama penduduk yang hadir pada program berkenaan.

Beliau memberitahu, pasangan yang mengikuti kursus perkahwinan perlu diberi bimbingan dan kaunseling agar bersedia menempuh kehidupan suami isteri.

Tambahnya, selain itu, antara faktor penceraian pasangan muda berpunca akibat ketidaksefahaman dan campur tangan pihak ketiga.

Ditanya mengenai pemilikan rumah kepada generasi muda, Mohd Najwan berkata, kerajaan Selangor sentiasa membuka peluang kepada golongan itu memiliki kediaman sendiri.

Beliau memberitahu, pelbagai inisiatif disediakan kerajaan Selangor seperti 'Rumah Idaman' pada harga mampu milik.



Mohd Najwan (duduk dua dari kanan) menyaksikan trak litar kereta lumba mainan pada program berkenaan.

"Kita sedia maklum, anak anak muda di Malaysia khususnya di Selangor ini memang terkesan dengan kenaikan kos kehidupan khususnya untuk memiliki rumah.

# Negeri maju 2030: Johor bela kebajikan kanak-kanak yatim, dibuang keluarga, OKU



ONN Hafiz Ghazi bersalaman dengan anak-anak rumah perlindungan pada majlis Perasmian Rumah Perlindungan Kanak-Kanak TBQ Amal di Johor Bahru, hari ini. - UTUSAN/RAJA JAAFAR ALI

JOHOR BAHRU: Johor akan terus membela kesejahteraan golongan kurang bernasib baik termasuklah kanak-kanak yatim piatu, kanak-kanak dibuang keluarga serta kanak-kanak orang kurang upaya (OKU) dalam usaha mencapai negeri maju menjelang 2030.

Menteri Besar, Datuk Onn Hafiz Ghazi berkata, perkara itu perlu menjadi asas dalam membentuk sebuah negeri membangun, di mana keseimbangan sosial masyarakat turut dititikberatkan.

Menurut beliau, pembangunan ekonomi dan infrastruktur negeri tidak bermakna sekiranya realiti segelintir kehidupan rakyat masih terpinggir.

"Johor mempunyai visi untuk menjadi negeri maju menjelang tahun 2030. Kita mempunyai pelbagai harapan dengan bangunan pencakar langit, usaha kosong karbon, sasaran Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) RM260 bilion, tetapi jika perkara asas kehidupan rakyat tidak terjaga, apakah maksudnya?

"Sehubungan itu, kita mahu memastikan kehidupan golongan kanak-kanak ini terbela kerana dalam tempoh lima hingga 10 tahun akan datang, mereka akan menjadi pelapis dan pemimpin negeri ini," katanya ketika berucap pada Majlis Perasmian Rumah Perlindungan Kanak-Kanak TBQ Amal, di sini hari ini.

Tambah Onn Hafiz, pihaknya menyeru semua anggota masyarakat agar mengambil tanggungjawab bersama-sama untuk membantu meningkatkan kesejahteraan dan kemakmuran kehidupan golongan kurang bernasib baik di negeri ini.

"Sebagai seorang pemimpin, saya perlu galas tanggungjawab terhadap golongan ini, jika tidak saya akan dipertanggungjawabkan di akhirat kelak. Oleh itu, saya menyeru orang ramai untuk bersama-sama kerajaan negeri dalam memastikan kehidupan lebih baik buat semua penduduk Johor.
"Kita bukan mahu mencari kesalahan mana-mana pihak sebaliknya mahu perbaiki kekurangan yang ada. Semua antara kita mempunyai tanggungjawab terhadap masyarakat, khususnya buat mereka yang kurang bernasib baik," jelasnya.

Rumah Perlindungan Kanak-Kanak TBQ Amal menempatkan anak-anak yang berdepan pelbagai cabaran hidup termasuk menjadi mangsa cabul, mangsa keganasan ibu bapa serta dibuang keluarga kandung.

Orang ramai yang mahu menghulurkan sumbangan boleh berbuat demikian menerusi akaun Ambank Islamic, bernombor 8881 04699 0083 atas nama Pertubuhan Kebajikan Tarhim Bil Qalbi Amal Negeri Johor (TBQ Amal).

Maklumat lanjut boleh diperoleh dengan menghubungi talian 016-7067881. – UTUSAN

# Kerajaan MADANI amat galak program untuk kanak-kanak

2023-12-16T15:23:29+08:00

SIBU: Kerajaan MADANI amat menggalakkan dan mengalu-alukan penglibatan semua pihak untuk mengadakan program bersama dengan pihak kerajaan bagi meningkatkan kesejahteraan hidup kanak-kanak.

Ahli Parlimen Lanang Alice Lau berkata, sumbangan atau bantuan kepada kanak-kanak yang memerlukan tidak terhad dalam bentuk kewangan atau kebendaan semata-mata.

"Sekiranya kita dapat meluangkan sedikit masa, menyumbang tenaga dan sokongan secara mental dan spiritual juga mampu menjana perubahan dan membawa seribu makna kepada kanak-kanak yang memerlukan," ujarnya ketika berucap merasmikan Program Family Fun Run di Sekolah Kebangsaan (SK) Sibu Jaya, hari ini.




Alice Lau (tujuh kiri) bersama dengan peserta Larian 'Family Fun Run' hari ini.

Program tersebut dianjurkan oleh Pusat Perlindungan Kanak-Kanak (PPKK) dan Pusat Aktiviti Kanak-Kanak (PAKK), bersama dua buah sekolah iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Sibu Jaya dan SK Sibu Jaya.

Timbalan Yang Dipertua Dewan Rakyat itu juga berharap dan menyeru agar semua pihak dapat memberikan yang terbaik kepada kanak-kanak, dengan memberi belaian kasih sayang, pendidikan dan perhatian yang sewajarnya kepada mereka.

Dengan demikan katanya, anak-anak ini akan mempunyai keyakinan diri serta keperibadian yang hebat dengan memiliki ciri-ciri seperti mempunyai daya saing yang kuat, kreatif, inovatif dan berkarisma.

"Anak-anak pada hari ini akan menjadi penyambung warisan kepimpinan negara.

"Marilah sama-sama kita memanjatkan rasa kesyukuran dan berterima kasih kerana masih ada pihak yang mengambil berat dan prihatin kepada masa depan anak- anak kita semua," jelasnya.

Menyentuh mengenai program, Alice berkata larian ini bukan sahaja untuk mengumpul dana bagi operasi PAKK Sibu Jaya, tetapi turut berfungsi sebagai satu platform untuk menggalakkan gaya hidup sihat dalam kalangan masyarakat kita.

"Oleh itu, program Family Fun Run ini merupakan satu usaha yang tepat pada masanya untuk memastikan penglibatan aktif kanak-kanak bersama ahli keluarga dan rakan-rakan mereka dalam pengamalan aktiviti gaya hidup sihat.

"Acara seperti ini akan mewujudkan persaingan yang sihat serta menguatkan semangat para peserta untuk berusaha sedaya-upaya memenangi dan menamatkan larian," jelasnya.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | CEMBURU PUNCA PUKUL ISTERI HINGGA MATI GUNA DUMBEL | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | BERITA HARIAN AHAD |
| TARIKH | : | 17 DIS 2023 | M/SURAT | : | 16 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Cemburu punca pukul isteri hingga mati guna dumbel

## Suspek positif dadah serta ada dua rekod lampau direman 7 hari

Oleh Norzamira Che Noh
bhnews@bh.com.my




*Suspek pukul isteri sehingga mati direman tujuh hari oleh Mahkamah Majistret Shah Alam, semalam.*
(Foto BERNAMA)

**Shah Alam:** Lelaki yang ditahan kerana disyaki memukul isterinya yang juga seorang pensyarah sehingga maut dengan menggunakan dumbel, di Bukit Rimau di sini, kelmarin, direman tujuh hari bermula semalam.

Perintah reman sehingga 22 Disember itu dibenarkan Timbalan Pendaftar, Saidatul Akmar Suberi terhadap lelaki yang tidak mempunyai kerja tetap itu selepas permohonan dikemukakan polis semalam.

Lelaki berusia 38 tahun tiba di pekarangan Mahkamah Shah Alam dengan memakai pakaian lokap itu diiringi pegawai dan anggota polis pada jam 9.20 pagi.

Kelmarin, Ketua Polis Daerah Shah Alam Asisten Komisioner Mohd Iqbal Ibrahim, memaklumkan seorang wanita maut dipercayai dipukul menggunakan dumbel oleh suaminya akibat cemburu di sebuah rumah di Jalan Sungai Congkak, dekat sini awal pagi kelmarin.

Beliau berkata, polis menerima laporan berkaitan kejadian itu pada 5.33 pagi oleh suspek sendiri yang menyatakan isterinya mengalami sawan lalu membawa mangsa ke Hospital Shah Alam kerana tidak sedarkan diri.

Katanya, hasil pemeriksaan awal doktor ke atas wanita berusia 33 tahun itu mendapati terdapat kecederaan di beberapa bahagian tubuhnya sebelum siasatan lanjut mendapati mangsa dipukul oleh suspek akibat cemburu di rumah mereka sebelum dibawa ke hospital.

Susulan itu katanya, suspek ditahan di Hospital Shah Alam sekitar jam 12.49 tengah hari, kelmarin untuk siasatan lanjut.

Mohd Iqbal berkata, hasil ujian saringan awal air kencing turut mendapati suspek positif dadah jenis Methamphetamine serta mempunyai dua rekod lampau berkaitan kes pukul dan dadah.

### Keluarga masih terkejut

Sementara itu, keluarga pensyarah wanita yang maut itu mengakui masih terkejut dan menyerahkan sepenuhnya kepada polis untuk menjalankan siasatan.

Seorang ahli keluarga mangsa yang enggan dikenali ketika ditemui memaklumkan, beliau menerima khabar duka itu sekitar jam 8 pagi semalam.

Katanya, ketika itu beliau dimaklumkan mangsa sudah meninggal dunia dan keluarga diminta hadir ke Hospital Shah Alam (HSA).

"Kami sekeluarga memang masih terkejut dengan kejadian itu dan berharap polis dapat menjalankan siasatan menyeluruh kes ini.

"Jenazah Allahyarham bakal dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Kampung Sungai Kembong, Pulau Indah petang ini (semalam) selepas selesai proses bedah siasat," katanya ketika ditemui di Jabatan Forensik HSA.

Wanita berkenaan yang bertugas di sebuah kolej di Miri, Sarawak dikatakan pulang untuk bercuti dan menghadiri majlis perkahwinan adik iparnya.

Pasangan berkenaan difahamkan berkahwin pada April lalu dan terpaksa menjalani kehidupan rumah tangga secara pasangan jarak jauh serta belum mempunyai anak.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | EARLY CHILDHOOD EDUCATION A CORNERSTONE OF SOCIAL DEVT - MINISTER | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | THE SUNDAY POST |
| TARIKH | : | 17 DIS 2023 | M/SURAT | : | 10 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Early childhood education a cornerstone of social devt — Minister



Toh (back, fourth left) and others join the children in a group photo.

**MIRI:** Early childhood education is an essential cornerstone of social development, laying the foundation for the future pillars of society.

In stating this, Minister of Transport Sarawak Dato Sri Lee Kim Shin also highlights the need to focus on children's personalities and nurture their unique interests and potential.

"Kindergarten, as the first step in a child's life journey, carries immense responsibility.

"Through care, understanding and support, we can ensure that each child would flourish in a warm and safe environment," the Senadin assemblyman said in his speech for the Cahaya Kindergarten Bintang Utara's 'Annual Concert 2023' at Myymall in Lutong here recently.

Lee's text-of-speech was delivered by Councillor Toh Kah Siong.

On the concert, the state minister hailed it as a viable platform to enhance the communications between the parents and the teachers, apart from showcasing children's talents.

"Every child here represents our hope for the future. This is where their dreams and lives begin to take steps," he added.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | PETRONAS CARIGALI BRINGS EARLY CHRISTMAS CHEER TO KIDS AT MIRI HOSPITAL | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | THE SUNDAY POST |
| TARIKH | : | 17 DIS 2023 | M/SURAT | : | 11 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Petronas Carigali brings early Christmas cheer to kids at Miri Hospital

**MIRI:** Petronas Carigali Sdn Bhd (PCSB) Sarawak Asset brought early Christmas cheer to some 100 underprivileged children receiving treatement at Miri Hospital's pediatric ward yesterday.

Themed 'Uplifting Lives Christmas Programme 2023', the programme involved distribution of daily necessities such as garments, towels, hygiene products and shoes, as well as toys and books to the children, meant to uplift their spirits for the upcoming celebration.

Present to witness the handover of gifts was Deputy Minister I for Tourism, Creative Industry and Performing Arts Sarawak Datuk Sebastian Ting.

The same programme was carried out in Bintulu on Dec 11, which was witnessed by Jepak assemblyman Iskandar Turkee, involving 100 children at the Bintulu Hospital's paediatric ward.

Also present were PCSB Sarawak Asset general manager Isrom Udau, its manager Suryani Dohan, Miri Hospital director Dr Jack Wong and deputy mayor Ariffin Mohamad.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | SHARING FESTIVE JOY | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | THE SUNDAY POST |
| TARIKH | : | 17 DIS 2023 | M/SURAT | : | 11 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |



**SHARING FESTIVE JOY:** Children from the Bahasa Malaysia Ministry of St Faith's Church at Kenyalang Park in Kuching posing for a photo-call during a Children's Christmas Party yesterday. Lay reader Yon Sika led the young celebrants in the prayer session, which was a part of the activities run during this annual event. Those attending were also treated to food and games. — Photo by Churchill Edward

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | SPORTS, RECREATIONAL ACTIVITIES CRUCIAL FOR CHILDREN'S DEVT - MP | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | THE SUNDAY POST |
| TARIKH | : | 17 DIS 2023 | M/SURAT | : | 10 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |




Lau (centre) holding the memento presented by Lolita (fifth right) during a photo-call, taken after the closing ceremony for the PAKK Family Fun Run 2023 in Sibu Jaya.

# Sports, recreational activities crucial for children's devt – MP

By Betrisianini Bakit
reporters@theborneopost.com

**SIBU: Lanang MP Alice Lau stresses on the importance of sports and recreational activities among children whom she regards as 'the country's key human capital'.**

"Sports is a form of therapy that is effective in cultivating positive values, self-strength whether from a physical or emotional aspect, discipline, teamwork, and high fighting spirit," said the parliamentarian at the closing ceremony for the Children's Activity Centre (PAKK) Family Fun Run in Sibu Jaya here yesterday.

Lau, also the Deputy Dewan Rakyat Speaker, described the 'Family Fun Run' programme as timely as this would engage the children and their family members in healthy lifestyle activities.

"Events like this will create healthy competition and strengthen the spirit of the participants to try their best to win and finish the race.

"The government strongly encourages and welcomes the involvement of all parties to hold programmes that improve the well-being of children," she said.

Jointly organised by PPKK Sibu Jaya and Sibu Welfare Office, the Fun Run was open for participants in four different categories - primary school, secondary school, adults and PPKK members.

Lau also presented an allocation of RM6,450 to PPKK Sibu Jaya, received by its chairperson Lolita Jimmy.